

Berita Harian

AKHBAR RAKYAT, AKHBAR ANDA

SELASA, 13 OGOS, 1985

ILMU KEBAL: KHAYALAN ATAU MUSLIHAT BURUK

DUA puluh tujuh tahun setelah kita mencapai kemerdekaan dan 16 tahun sepelas manusia menjelakkan kaki di permukaan bulan, adalah tidak terlaluan jika kita menaruh harapan bahawa sikap masyarakat kita telah berubah. Betapa tidaknya, revolusi komunikasi telah mendedahkan kita kepada pelbagai maklumat dan ilmu. Membaca akhbar, mendengar radio dan menonton televisyen telah menjadi sebahagian daripada kegiatan seharian kita. Jadi adalah amat memeranjatkan bahawa di dalam zaman serba moden ini, masih ada sebilangan belia yang percaya bahawa mereka boleh menentang hukum alam dengan menjadi orang kebal yang tak lut ditikam dan tidak mati diracun. Mereka begitu yakin dengan ilmu yang mereka pelajari sehingga sanggup meminum racun untuk membuktikannya. Malangnya, apabila mereka menyedari bahawa ilmu yang mereka pelajari itu tidak berkesan, masanya sudah terlambat. Seorang daripada mereka meninggal dunia dan empat lagi terlantar di hospital. *PENCARI SUSA*

Kalau yang mempercayai ilmu-ilmu seperti ini berusia 50 atau 60 tahun, kita tidak terperanjat sangat. Disebabkan latar belakang pelajaran dan sosial yang membentuk cara berfikir dan bertindak

mereka, generasi tua kita masih tebal dengan kepercayaan-kepercayaan ini. Anahnya, yang kini tergila-gila dengan ilmu-ilmu seperti ini adalah generasi muda yang terdedah kepada pelajaran dan persekitaran moden. Kejadian di Felda Air Tawar Satu dekat Kota Tinggi, Johor, baru-baru ini memabitkan belia dalam lingkungan umur dua puluhan, sementara yang dikatakan menjadi guru itu pula baru berusia 30 tahun. Hakikat bahawa mereka mempercayai seorang muda yang kerjanya membuat pensil sebagai mempunyai kuasa untuk memberikan mereka ilmu kebal/sesungguhnya menakutkan. Keyakinan mereka mencapai peringkat mutlak hingga mereka bersedia meminum racun rumput untuk menguji kekebalan mereka.

Ramai menganggap perbuatan mereka sebagai keghairahan orang muda mengejar impian. Tidak kurang pula yang mentertawakan mereka. Tetapi bagi kita, peristiwa-peristiwa seperti ini mendedahkan pelbagai petanda yang membimbangkan. Ia adalah isyarat-isyarat yang membayangkan sesuatu yang tidak kena mengenai masyarakat negara ini, khususnya orang Melayu. Beberapa soalan timbul serta merta. Mengapakan kepercayaan-kepercayaan yang bercanggah

dengan Islam ini masih subur? Kenapakah generasi muda yang terdedah kepada pelajaran moden masih mempercayai ilmu-ilmu kabur? Dan kenapakah amalan-amalan yang bercanggah dengan Islam ini terlalu subur bercambah di Johor? Dalam hubungan ini, arahan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ajib Ahmad, supaya Jabatan Agama Islam Negeri menyiasat peristiwa itu adalah amat tepat dan harus dipandang berat oleh pihak-pihak terbabit. Sejak peristiwa berdarah Batu Pahat pada Oktober 1981, apabila anggota satu kumpulan ajaran sesat menyerang balai polis bandar itu, kita kerap sekali mendengar mengenai ajaran-ajaran yang bercanggah dengan Islam didedahkan di Johor.

Ahli kaji masyarakat dan ahli psikologi harus turut sama dalam kajian-kajian ini kerana agensi-agensi lain mungkin tidak mempunyai kepakaran yang mencukupi di bidang itu. Kita harus memastikan kenapa sesuatu kawasan atau sesebuah masyarakat mudah dipengaruhi oleh ajaran-ajaran yang menyimpang daripada hukum Islam yang sebenar. Tugas ini tidak harus dipandang ringan kerana penyimpangan begini boleh mencemar kesucian Islam dan menjejaskan imej masyarakat Melayu. Kita juga tidak boleh mengeneppikan kemungkinan kelemahan masyarakat ini dipergunakan oleh anasir-anasir yang bertujuan serong, sama ada yang mencari keuntungan peribadi atau yang bertindak sebagai kumpulan yang lebih teratur. Kita boleh bertanya, kalau tidak kerana sesuatu tujuan yang tersembunyi, kenapa harus seseorang itu begitu gigih menuntut ilmu untuk menjadi kebal?

Kalau kita mendalami Islam, kita akan mendapati bahawa manusia tidak boleh mencapai peringkat itu. Rasulullah s.a.w. sendiri cedera dalam peperangan Badar apabila dua batang gigi baginda patah. Yang demikian, pelbagai kemungkinan timbul apabila segolongan masyarakat kita begitu ghairah menuntut ilmu itu. Mungkin mereka menuntut ilmu itu sebagai jalan keluar kepada tekanan jiwa yang mereka hadapi atau mungkin juga